

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**25 JULAI 2018**

---

**1. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BAYARAN CUKAI TAKSIRAN SETENGAH TAHUN KEDUA 2018**

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2018 adalah pada 31 Ogos 2018. Kaunter Berpusat MPSP dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua 2018 sepanjang bulan Julai dan Ogos 2018. Pembayaran cukai taksiran boleh dilakukan di kaunter Berpusat MPSP seawal 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu dan Ahad. Manakala masa operasi kaunter berpusat MPSP akan dilanjutkan sehingga 8.30 malam pada 30 Ogos 2018.

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah bertujuan memberi kemudahan kepada para pelanggan dan *stakeholder* membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua 2018.

Kaunter bayaran akan ditutup pada 31 Ogos 2018 memandangkan ianya hari cuti umum sempena Hari Kebangsaan. Namun begitu, pembayar cukai masih boleh membuat pembayaran secara *online* pada tarikh 31 Ogos 2018 iaitu melalui laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

MPSP menggalakkan orang ramai membiasakan diri untuk membuat bayaran cukai taksiran secara online atau melalui agen-agen yang sah seperti MBPP, Bank Rakyat, PDC, PBA, Pos Malaysia dan TNB bagi mengelakkan kesesakan di kaunter bayaran , dan secara langsung ianya dapat mengurangkan penghasilan karbon, menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan kualiti hidup ke arah mencapai bandar rendah karbon dan bandar pintar.

Selepas tarikh tersebut, MPSP akan mengenakan Caj Notis (Borang E) sebanyak RM10.00 ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya anda masih belum lagi membuat bayaran selepas 15 hari daripada Notis

(Borang E) dikenakan, waran tahanan sebanyak RM50.00 akan dikeluarkan dan barang-barang yang ada dalam premis akan disita. Sila jelaskan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan harta disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 891 / 790 atau e-mel ke [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **2. KIK MPSP 2018 BERJAYA MENJADI JOHAN KONVENTSYEN KIK2018 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG.**

Sukacita dimaklumkan, pasukan KIK MPSP 2018 telah berjaya menjadi Johan konvensyen KIK2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah berlangsung di Auditorium A Komtar dengan tajuk “SPARK: SISTEM AMARAN PARAS AIR KAWALAN BANJIR”.

Sistem ini adalah merupakan salah satu projek kawalan banjir Bandar Pintar, diilhamkan oleh wakil Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Bangunan & Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Tahniah semua ahli kumpulan serta semua jabatan yang terlibat.

## **3. PROMOSI PENGURANGAN KOMPAUN SEMPENA SAMBUTAN MAJLIS KE-44 TAHUN 2018**

Sempena sambutan Hari Majlis yang Ke-44 tahun 2018, MPSP akan mengadakan promosi pengurangan kompaun selama satu bulan melibatkan kompaun-kompaun yang dikeluarkan oleh Direktorat Penguatkuasaan, Jabatan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Bangunan. Promosi ini akan bermula pada 28 Julai 2018 dan berakhir pada 27 Ogos 2018.

Kadar yang ditetapkan untuk semua kompaun adalah sebanyak 50% dari kadar semasa. Kompaun-kompaun yang telah didaftarkan ke mahkamah, kompaun kesalahan meletak kenderaan di petak OKU dan kompaun kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan

Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 tidak terlibat dalam promosi pengurangan kompaun ini.

Saman dan kompaun boleh di bayar melalui tunai, cek, kiriman wang, wang pos atau pembayaran secara atas talian (online). Ini juga merupakan program Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar bertujuan untuk mengurangkan penghasilan karbon, pengurangan kos dan peningkatan kualiti hidup.

#### **4. PROGRAM MPSP FUN WALK 2018**

Dimaklumkan bahawa MPSP akan menganjurkan program MPSP Fun Walk 2018 pada 4 Ogos 2018 (Sabtu) mulai jam 7 pagi di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Sungai Krian, SPS yang melibatkan laluan sejauh 6 Kilometer. Peserta yang mendaftar dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM 35 sahaja dan akan menerima T-shirt, Wristband, Pingat dan air mineral. Peserta juga digalakkan untuk parkir kenderaan di tempat yang disediakan iaitu berhampiran Masjid Seri Ampangan, Transkrian, 14300 Nibong Tebal, SPS dan bus shuttle akan disediakan oleh MPSP untuk membawa peserta ke lokasi program.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web rasmi program ini seperti berikut:  
<https://www.mpsp.gov.my/funwalk/>.

#### **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan selamat menunaikan fardhu haji dan semoga Allah S.W.T. menerima ibadah haji yang dilaksanakan dan memperoleh haji yang mabruk. Insyaallah, seramai 2 orang kakitangan MPSP akan mengerjakan haji pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 22 Ogos 2018 (Jumaat). Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Saya menyeru kepada semua pemandu yang memandu jarak jauh supaya berhati-hati

semasa memandu, pastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik dan berhati-hati semasa di jalanraya.

## **6. MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN PENUTUP BOTOL MINUMAN BAGI MENYIAPKAN MURAL 3D DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PADA 25 JULAI 2018 (RABU) BERTEMPAT DI AUDITORIUM, MENARA MPSP**

Program membuat mural 3D akan dijalankan dengan usaha-sama Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. Sebanyak 4 mural dijangka akan disiapkan sebelum akhir tahun ini. Projek ini adalah perkongsian visi kreatif *Re-imagining Waste as a Resource*, selari dengan *Smart Consumption* model MPSP iaitu 8R.

Sebanyak 71,000 unit penutup botol minuman akan dikumpulkan mulai hari ini, dan gambar-gambar pemandangan di Seberang Perai akan dipilih untuk dijadikan mural. Selepas pelancaran, 25 Julai 2018 proses membuat mural akan diadakan pada 21 sehingga 23 September 2018. MPSP berharap penduduk Seberang Perai akan turut serta di dalam program ini, sebanyak 300 orang diperlukan bagi membolehkan program ini tercatat dalam *Malaysia Book of Record*. Borang penyertaan boleh didapati di laman web MPSP. Program pengumpulan penutup botol adalah bertujuan untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022.

“**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif**” telah dijadikan sebagai Visi Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 menggambarkan komitmen serta usaha MPSP dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon dan Bandar Pintar yang berdaya huni.

## **7. PROGRAM KEBERSIHAN KAMPUNG DAN TAKLIMAT TANAMAN PADI ORGANIK DI KAMPUNG PERMATANG NIBONG SEMPENA HARI MAJLIS**

Sempena Hari Majlis, program kebersihan kampung dan taklimat tanaman padi organik akan di adakan di Kampung Permatang Nibong. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan teknologi pengurusan pengeluaran padi organik yang mesra alam, bersih dan cekap-sumber. Ianya juga untuk melestarikan penghasilan

padi dan peningkatan pendapatan serta kesihatan komuniti setempat dan para pengguna. Satu taklimat akan diadakan kepada petani pada 19 Ogos 2018 jam 10.00 pagi bertempat di Dewan KAFA, Permatang Nibong, SPT. MPSP bercadang untuk mengada kerjasama pintar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Seberang Perai sebagai hub pengeluar padi organik bagi mencapai Bandar Redah Karbon Tahun 2020.

## 8. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-61

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-61 pada 31 Ogos 2018 (Jumaat) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Tema '**Sayangi Malaysiaku**' telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan 2018. Tema tersebut dipilih bertujuan untuk memupuk semangat cinta dan sayangkan Negara Tercinta iaitu Malaysia.

Sehubungan itu, diharapkan semua warga Seberang Perai terutamanya pemilik premis perniagaan, premis pejabat dapat menghias premis mereka dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

## 9. MPSP CAR FREE MORNING PADA 5 OGOS 2018 (AHAD) & SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 5 Ogos 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Tema pada kali ini ialah berkonsepkan Belia Merdeka yang mana hasil gabungan MPSP dengan pihak Penang Youth Development Corporation (PYDC). Pelbagai aktiviti yang menarik disediakan untuk semua peringkat umur. Terdapat juga aktiviti senaman aerobik yang lebih santai, pemeriksaan kesihatan serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan

diadakan pada 19 Ogos 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 Ogos 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**